

# Expokonvo UMP: Utusan tawar pelbagai hadiah

**KUANTAN 16 Nov. -**

Pelbagai hadiah menarik menanti orang ramai yang mengunjungi dan membeli di gerai Kumpulan Utusan di Expokonvo Universiti Malaysia Pahang (UMP) 2017 sempena Majlis Konvokesyen Kali ke-12 yang bakal berlangsung selama tiga hari bermula 18 November ini.

Pengurus Pengurusan Jenama Kumpulan Utusan, Hazura Ahmad Halil berkata, sempena expokonvo berkenaan, Kumpulan Utusan akan mengadakan jualan harga runtuh membabitkan produknya seperti majalah yang dijual di situ.

“Dengan setiap pembelian RM5 ke atas, orang ramai akan mendapat kupon cabutan bertuah.

“Cabutan bertuah ini akan dicabut dari semasa ke semasa yang mana hadiahnya merupakan barangan eksklusif dan barangan elektrik,” katanya di sini hari ini.

Hazura berkata, selain pameran dan jualan, pihaknya akan mengadakan pelbagai aktiviti santai yang mana semua pengunjung expokonvo itu layak menyertainya.

“Kita juga menyediakan hadiah untuk aktiviti yang diadakan. Orang ramai bolehlah mengunjungi gerai Kumpulan Utusan sempena Expokonvo UMP kali ini,” katanya.

Beliau dalam pada itu berkata, Kumpulan Utusan akan mencipta kelainan sempena expokonvo berkenaan bagi menarik minat orang mengunjungi dan menyertai aktiviti yang diadakan di gerai syarikat tersebut.

UTUSAN MALAYSIA (DACAAN  
NEGERI) 17/11/17 (JUMAAT)  
M/S: 33